

SINAR AHAD | 26 MAC 2023

11

# Pelan Strategik Angkasa (PESAN50)

## Koperasi sebagai pilihan utama perniagaan tingkat sumbangan pembangunan negara

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) meneruskan komitmen dan usaha meningkatkan keterlibatan koperasi dalam sektor perniagaan berimpak tinggi selari dengan seruan pihak kerajaan supaya gerakan ini dapat menyumbang perolehan berjumlah RM60 bilion menjelang 2025 dan RM100 bilion pada 2030.

Presiden Angkasa, Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah berkata, melalui Pelan Strategik Angkasa 2050 (PESAN50) sasaran itu mampu dicapai selaras dengan hasrat kerajaan untuk melihat koperasi memain peranan penting serta berkesan dalam pengkuhan sosioekonomi rakyat di negara ini.

Menurutnya, untuk capai matlamat itu, koperasi perlu terlibat dengan perniagaan yang berimpak tinggi bagi meningkatkan perolehan (turnover) serta menjadikan sektor ini lebih berdaya saing di dalam pasaran terbuka.

"Sekarang ini daripada 15,000 koperasi, 80 peratus daripada jumlah itu iaitu 12,000 adalah terdiri daripada koperasi kecil dan mikro yang mana perolehannya bawah RM1 juta.

"Sebenarnya, koperasi memerlukan peremajaan semula agar dapat diperkasakan kerana mempunyai potensi dan kekuatan sendiri. Dari segi rekod, ia telah bertahan lebih 100 tahun walaupun pada suatu ketika dahulu banyak syarikat tutup kerana menghadapi pelbagai cabaran," jelasnya kepada Sinar Harian.

Tambah Abdul Fattah, anggota merupakan aset penting dan kekuatan koperasi. Justeru, sebarang program dan aktiviti yang dilaksanakan akan mengutamakan anggota koperasi terlebih dahulu sebelum ia dikembangkan kepada keuntungan perniagaan.

"Koperasi berbeza dengan usahawan individu yang ingin




### BADAN APEKS KOPERASI

ANGKASA adalah badan APEKS gerakan koperasi Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan untuk mewakili gerakan koperasi seluruh Malaysia di peringkat nasional dan antarabangsa



Timbalan Presiden Angkasa, Datuk Abdul Rahman Abdul Razak Shaike menerima trofi Bisnes Sinar Harian Awards (BISA) daripada Ketua Pegawai Eksekutif Grup Sinar Karangkraf, Farah Hussamuddin pada 23 Februari lalu. Beliau hadir mewakili Abdul Fattah.



ABDUL FATTAH

Sebenarnya, koperasi memerlukan peremajaan semula agar dapat diperkasakan kerana mempunyai potensi dan kekuatan sendiri.

mencapai keuntungan maksimum. Mereka akan mencari untung terlebih dahulu sebelum dipulangkan kepada anggota melalui pelbagai cara termasuk dividen, membuka peluang pekerjaan, latihan kemahiran, perkhidmatan serta tanggungjawab sosial koperasi (CSR)," ujarnya.

Ditanya mengenai peranan Angkasa bagi memastikan kesejahteraan anggota gerakan koperasi, pihaknya mengambil inisiatif mewujudkan lapan sektor pembangunan perniagaan koperasi bagi mengerakkan dan memajukan penglibatan usahawan koperasi dalam pelbagai perniagaan yang berimpak tinggi.

Jelasnya, sektor itu meliputi kewangan, perdagangan, pertanian dan industri asas tanah, inovasi dan

teknologi serta pembangunan komuniti.

Ia termasuklah beberapa sektor lain seperti harta tanah dan industri binaan, pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan serta sektor pemborongan dan peruncitan.

"Melalui sektor ini, Angkasa berusaha mengurangkan risiko kerugian kepada koperasi dengan pelaksanaan program inkubasi," jelas Abdul Fattah.

Beliau turut menasihati warga koperator bersedia mendepani cabaran pada masa hadapan dan tahu subjek atau perniagaan yang ditawarkan.

"Apabila masuk ke dalam dunia perniagaan perlu tahu hala tuju. Ini adalah risiko yang paling tinggi kerana jika tiada pengetahuan yang jelas, sukar untuk mereka menghadapi cabaran dan situasi semasa."

"Jika hasilkan produk perlulah ada permintaan sedia ada di pasaran. Cara ini dapat mengurangkan kos promosi berbanding barang baharu yang belum dikenali oleh orang ramai," katanya.

#### Mengenali peranan koperasi

Koperasi merupakan organisasi berbentuk perniagaan yang dimiliki dan dikawal oleh anggotanya. Tujuan koperasi adalah untuk memenuhi keperluan dan aspirasi bersama anggotanya melalui perusahaan milik bersama dan dikawal secara demokrasi.

Bagi menjelaskan peranan itu kata Abdul Fattah, koperasi mengamalkan prinsip "satu ahli, satu undi," iaitu setiap ahli mempunyai hak yang sama dalam proses membuat keputusan, tanpa mengira jumlah modal yang telah mereka laburkan.

"Keuntungan dan faedah yang dijana oleh koperasi melalui aktiviti yang dijalankan diagihkan semula kepada anggota, sama ada dalam nilai wang ringgit atau perkhidmatan."

"Terdapat beberapa jenis koperasi yang wujud termasuk koperasi



pengguna, koperasi pekerja, dan koperasi pengeluar dan lain-lain dalam memenuhi keperluan dan tujuan yang berbeza.

"Koperasi pengguna menyediakan barang dan perkhidmatan kepada anggota, koperasi pekerja dimiliki dan dikawal oleh pekerja, dan koperasi pengeluar dibentuk oleh petani, nelayan, atau pengeluar untuk sama-sama memasarkan produk mereka," jelasnya.

Sementara itu katanya, pelbagai cabaran telah dilalui oleh gerakan koperasi sepanjang penubuhannya. Ini termasuklah ketahanannya mendepani krisis terbaru menghadapi pandemik Covid-19.

"Namun, keutuhan koperasi terletak pada cara kerja dan prinsip koperasi itu sendiri seperti penglibatan ekonomi oleh anggota dan kerjasama antara koperasi.

"Kami mempraktikkan konsep 'Bekerja bersama-sama demi manfaat bersama' sejak sekian lama dan membolehkan koperasi mencatatkan pertumbuhan secara organik walaupun menempuh zaman kemelesetan ekonomi dunia," katanya.



#### PROFIL

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) telah didaftarkan pada 12 Mei 1971 di bawah Ordinan Koperatif 33/1948. Angkasa ditubuhkan hasil resolusi Kongres Kerjasama Malaysia Kedua yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak Hussein, Perdana Menteri Malaysia yang kedua. Angkasa merupakan satu-satunya koperasi atasan yang diiktiraf untuk mewakili gerakan koperasi seluruh Malaysia.

#### Produk dan perkhidmatan mengikut sektor:

- Pemborongan dan Peruncitan
- Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan
- Pertanian dan Industri Asas Tanah
- Perladangan
- Kewangan
- Hartanah dan Industri Binaan
- Inovasi dan Teknologi
- Pembangunan Komuniti

#### Hubungi kami

apex@angkasa.coop  
 www.angkasa.coop  
 +603 78042315  
 @ANGKASACoop